

# Pagar halang masuk Puduraya



>>Oleh Helmy Abd Rahman

helmy@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Pada asalnya, pagar halangan di antara jalan utama dan laluan pejalan kaki berhampiran pintu masuk ke Hentian Puduraya di Jalan Pudu bertujuan menghalang pemandu teksi mengambil dan menurunkan penumpang, sekali gus mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan itu.

Bagaimanapun, selepas siap, pagar yang dipasang kira-kira 100 meter terbabit menjadi rungutan pelbagai pihak berikutan menyukarkan orang ramai untuk keluar dan masuk ke hentian bas ekspres utama negara itu.

Tinjauan Metroplus di kawasan terbabit mendapati ramai pengunjung mengambil jalan pintas dengan memanjat pagar itu untuk memasuki hentian berkenaan tanpa mengira gender atau usia.

>LIHAT MUKA 2



**PANJAT**  
...seorang  
pengunjung  
memanjat  
pagar tanpa  
menghiraukan  
penguat kuasa  
Dewan  
Bandaraya  
Kuala Lumpur.

